

SOALAN NO. 82**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YANG BERHORMAT TUAN KHALID BIN ABD SAMAD [SHAH ALAM]

TARIKH : 2 OGOS 2017

SOALAN :

YB Tuan Khalid Bin Abd Samad [Shah Alam] minta PERDANA MENTERI menyatakan tujuan penubuhan Suruhanjaya Siasatan Diraja berkenaan Kes Forex 1992-1994 dan Term of Reference RCI tersebut.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terma-terma rujukan untuk Suruhanjaya Siasatan Diraja bagi menyiasat kerugian urus niaga mata wang asing oleh Bank Negara Malaysia pada sekitar tahun 1980-an dan 1990-an adalah seperti berikut:

Bidang tugas Suruhanjaya:

- (i) Menentukan kesahihan dakwaan mengenai kerugian akibat urus niaga pertukaran mata wang asing yang dialami oleh Bank Negara Malaysia sekitar tahun 1990-an serta implikasinya kepada ekonomi negara;
- (ii) Menentukan sama ada penglibatan Bank Negara Malaysia dalam aktiviti urus niaga mata wang asing yang menyebabkan kerugian tersebut adalah bertentangan dengan *Central Bank Ordinance 1958* atau mana-mana undang-undang yang berkaitan;
- (iii) Menentukan sama ada terdapat elemen menyembunyikan fakta dan maklumat sebenar berhubung kerugian Bank Negara Malaysia dalam aktiviti urus niaga mata wang asing itu dan memberi kenyataan yang mengelirukan (*misleading*) Jemaah Menteri, Parlimen dan rakyat;
- (iv) Mengesyorkan tindakan yang sesuai diambil terhadap pihak-pihak yang terlibat secara langsung dan / atau tidak langsung jika didapati mereka menyebabkan kerugian Bank Negara

Malaysia serta menyembunyikan fakta dan maklumat sebenar berhubung kerugian itu; dan

- (v) Mengesyorkan langkah-langkah bagi memastikan perkara yang sama tidak berulang.

Suruhanjaya ini akan menyelesaikan siasatannya dalam tempoh tiga bulan mulai tarikh kuat kuasa penubuhannya bagi menyelesaikan penyiasatan dan menyembahkan laporannya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Sekian, terima kasih.